

Media utama artikel penuh 'selera' sasaran

B.H 9/5/07 MIS 9

Oleh Norliza Abdullah

KITA biasa mendengar keluhan daripada Pegawai Perhubungan Awam (PRO) tidak mendapat layanan pihak media apabila meminta disiarkan kenyataan akhbar. Malah, ada golongan profesional termasuk saintis merungut apabila hasil tulisan mereka tidak disiarkan pihak media dan ada yang kecewa kerana tulisan mereka disunting sebegitu rupa oleh pengarang akhbar.

Lebih memeritkan bagi golongan ini apabila hasil tulisan mereka langsung tidak disiarkan. Antara puncanya ialah kemungkinan tulisan itu terlalu berbentuk akademik yang sukar difahami golongan pembaca, gaya bahasa yang terlalu 'bombastic', cara penulisan tidak menarik dan topik dibincangkan tidak begitu semasa.

Ada pula yang menulis semata-mata mengharapkan imbuhan dan ada juga organisasi yang mendakwa mereka seolah-olah 'melukut di tepi gantang' ketika hendak mendapatkan kerjasama pihak media yang dianggapnya begitu memilih bahan berita.

Inilah antara 'aduan dan luahan' dilonarkan dalam majlis dialog antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan media massa, anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, di Putrajaya, baru-baru ini bertujuan merapat serta mengukuhkan hubungan kerjasama.

Antara yang hadir ialah PRO dan pegawai pengurusan mewakili 18 IPTA selain golongan saintis. Majlis itu yang dirasmikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed turut dimuatkan sesi interaksi dianggotai ahli panel terdiri daripada Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Annuar Zaini dan Pengarah Ikon, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin.

Perbincangan bertambah panas apabila masing-masing menyalahkan antara satu sama lain. Tidak kurang juga ada saintis IPTA kecewa kerana bahan rencana saintifik yang dihantar kepada pihak media tidak mendapat tempat dan jika disiarkan sekali pun ia sudah disunting dan tidak mengikut apa yang dikehendakinya.

Bagaimanapun, pada majlis itu, Mohd Annuar secara spontan berkata, saintis di IPTA tidak boleh menyalahkan media semata-mata jika hasil nukilan saintifik mereka tidak disiarkan.

Sebagai penulis, katanya, mereka perlu banyak belajar termasuk mengenal pasti golongan sasaran dan jika bahan tulisan berbentuk saintifik hendak disiarkan di akhbar, mereka perlu tahu siapa pembaca mereka.

"Saintis perlu mengkaji terlebih dulu siapa golongan sasaran. Adakah golongan sasaran tadi berada pada satu tahap yang boleh memahami fakta saintifik yang hendak disampaikan?," katanya.

Namun, golongan ini harus sedar bahawa kini ramai ahli akademik menulis dan sesetengahnya menjadi kolumnis tetap di media arus perdana. Kebanyakan mereka menulis dalam bahasa yang mudah difahami, sentiasa mengulas isu semasa dan bentuk penulisan yang menarik serta mesejnya mudah difahami.

Sesetengah mereka pada mulanya bukan ada bakat untuk menulis, tetapi mereka cepat belajar. Apabila tulisan mereka tersiar, mereka tahu apa kelemahan yang ada selepas hasil tulisan itu disunting oleh pengarang, untuk disesuaikan dengan kehendak pihak media. Daripada situ, mereka mendapat 'tips' pengolah rencana yang mereka hantar.

Namun, ada juga yang cuba menulis, tetapi terus kecewa selepas hasil tulisan tidak disiarkan. Keadaan sebegini tidak sepatutnya berlaku. Bagi pihak media, kesuntukan masa mengejar 'date-line' kadang-kala menyebabkan tulisan yang 'berserabut' dibakulsampahkan saja. Sebaliknya, tulisan berkualiti, isi yang padat dan gaya penulisan menarik serta mudah difahami selain menjurus kepada isu tertentu, akan mudah mendapat 'layanan' untuk disiarkan.

Shamsul Amri ketika mengulas senario berkenaan berkata, sepanjang pembabitannya dalam bidang penulisan, lebih banyak artikel yang dihantar tidak digunakan berbanding disiarkan.

Bagaimanapun, beliau rasional dan menerima hakikat itu kerana berpendapat setiap artikel yang disiarkan itu bergan-

tung kepada isu dan kepentingannya mengikut perkembangan semasa.

Sebagai penulis, penting baginya untuk meneruskan usaha. Lupakan persoalan sama ada artikel yang dihantar itu disiarkan atau dibakulsampahkan. Jika ia benar-benar berkualiti dan memenuhi keperluan pembaca pastinya artikel berkenaan berada di tempatnya.

"Jika kita ikhlas menulis untuk kebaikan semua pastinya ia akan disiarkan. Kita tidak boleh setakat sekali dua menulis dan mengharapkan ia disiarkan. Ia tidak adil.

"Tinggi mana sekalipun ilmu yang kita ada, jika kita mengharapkan idea atau pendapat disiarkan, perlu bagi penulis menilai bahan mereka dan mengikut keperluan editor di organisasi berkenaan," katanya.

Begini juga dengan bayaran, Shamsul Amri berkata, sepanjang menulis dengan akhbar, dia tidak pernah berbincang mengenai perkara itu kerana ia pastinya akan mengecewakan. Lupakan soal bayaran, jika dapat sekalipun hendak membeli dua buku ilmiah tidak mencukupi.

Katanya, tanamkan minat menulis kerana kepuasan, pastinya ia lebih bererti daripada perolehan berbentuk wang ringgit.

Pengalaman penulis ketika mengikuti program penulisan saintifik dan teknologi anjuran Australian Malaysian Institute di Melbourne, baru-baru ini, mendapati, saintis di CSIRO, sebuah pertubuhan sains dan teknologi Australia mendapati, pakar di sana mengambil inisiatif belajar menulis walaupun sudah bergelar saintis.

Mereka berbuat demikian untuk mengasah bakat menulis dengan baik supaya artikel yang ditulis mudah difahami golongan sasaran yang terdiri daripada pembaca akhbar dan majalah.

Saya kagum dengan kesungguhan mereka belajar menulis dengan menggunakan wang saku sendiri semata-mata memastikan segala ilmu sains yang diperolehi dapat dikongsi bersama masyarakat umum.

Setakat ini, saya tidak nampak senario berkenaan berlaku di Malaysia. Saintis kita mungkin tidak selesai jika mereka diminta mendapatkan bantuan daripada penulis kerana masing-masing menganggap bidang yang diceburi itu sudah cukup tinggi dan

tidak memerlukan bantuan daripada penulis lain.

Lebih mengharukan pada majlis itu, apabila ada PRO mewakili IPTA di Sarawak mengungkit kebakkannya selama ini melayan media yang didakwanya tidak "jalan" dengan alasan organisasi yang diwakili tidak mendapati liputan seperti diharapkan.

Jika hal seperti ini berlaku, mereka perlu mengkaji sebabnya. Sesetengah PRO bukan saja di IPTA, malah organisasi perniagaan sekali pun, terlalu mengharapkan kenyataan yang dihantar itu disiarkan, tetapi gagal untuk mengesan puncanya.

Sebagai PRO, mereka perlu tahu apa yang diperlukan pihak media. Kadang-kala kenyataan yang dihantar tidak cukup maklumat dan memerlukan penjelasan lanjut. Yang lebih perit lagi, ada PRO mengharapkan kehadiran wartawan untuk satu acara yang 'terlalu kecil' dibuat liputan atau dengan bahasa yang mudah, yang hanya boleh dilakukan melalui kenyataan akhbar.

Kita bersimpati dengan PRO terbabit kerana maklum balas daripada rakan media di Sarawak mendapati mereka juga berhadapan pelbagai masalah ketika berurusan dengan PRO berkenaan.

Sepanjang berbengkel itu, kita tidak mendengar sebarang rungutan daripada PRO dari UKM, mahupun Universiti Sultan Idris (UPSI) kerana masing-masing tidak ada masalah dengan media. Kerjasama diwujudkan sejak sekian lama membantu kedua-dua IPTA berkenaan membentuk satu reputasi begitu baik.

Kita yakin usaha kementerian ini perlu diteruskan dari semasa ke semasa bagi memperkasakan hubungan IPTA dengan media. Pertemuan yang lebih kerap ini membentuk persefahaman dan perkenalan lebih akrab.

Keakraban yang diwujudkan dengan kerjasama kementerian membantu semua pihak terutama PRO dan media supaya mereka lebih mengenali antara satu sama lain dan belajar memperbaiki kelemahan masing-masing. Sekali gus usaha ini mewujudkan keserasian di kalangan media dan kementerian.